



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS PERASMIAN
BANGUNAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PULAU PINANG**

GEORGETOWN, 14 MAC 2025 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah menganjurkan Majlis Perasmian Bangunan Kementerian Sumber Manusia Pulau Pinang yang dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.

Bangunan ini yang dahulunya dikenali sebagai Bangunan Lembaga Buruh Pulau Pinang (LBPPP) bertempat di Pengkalan Weld, Georgetown telah dibina pada tahun 1973. Bagi memberikan keselesaan dan ruang kerja yang lebih kondusif kepada pegawai dan kakitangan KESUMA khususnya kakitangan Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) Pulau Pinang dan Mahkamah Perusahaan Pulau Pinang, KESUMA telah diberikan kelulusan peruntukan di bawah RMKe-11 dengan kos siling sebanyak RM25 juta bagi membina semula bangunan yang berusia 52 tahun tersebut.

Kriteria perancangan rekabentuk bangunan ini menerapkan susun atur ruang yang optimum kepada situasi tapak yang terhad serta mematuhi garis panduan zon warisan Bandaraya George Town. Disamping itu, pembinaan bangunan ini juga menerapkan ciri-ciri rekabentuk hijau (*Green Design*) dan penjimatan tenaga.

Bangunan lima (5) tingkat yang telah siap dibina pada 31 Januari 2025 ini akan menempatkan kakitangan **JPP Pulau Pinang di Aras 1 dan Aras 2** serta **Mahkamah Perusahaan Pulau Pinang di Aras 3 dan Aras 4** dan juga ruang gunasama di aras

G. Penyediaan bangunan pejabat yang khusus ini bukan sahaja akan memberikan keselesaan kepada seluruh kakitangan JPP dan Mahkamah Perusahaan Pulau Pinang, malah ianya akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, terutamanya penduduk dan pihak industri di Pulau Pinang.

Majlis Perasmian ini diakhiri dengan Majlis Berbuka Puasa Bersama YB Menteri Sumber Manusia dan warga kerja KESUMA di Pulau Pinang.

DISEDIAKAN OLEH:

**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

NO. TEL: (603) 8886 5460

EMEL: jppm@mohr.gov.my

LAMAN SESAWANG: <https://jpp.mohr.gov.my/>

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
<u>Jabatan Tenaga Manusia (JTM)</u>	<u>Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)</u>
<u>Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)</u>	<u>Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)</u>
<u>Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)</u>	<u>Human Resources Development Corporation (HRDC)</u>
<u>Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)</u>	<u>Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)</u>
<u>Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)</u>	<u>Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)</u>
<u>Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)</u>	
<u>Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)</u>	
<u>Jabatan Tenaga Kerja Sabah</u>	
<u>Jabatan Tenaga Kerja Sarawak</u>	